

30/08/1999

Cuepacs bincang isu bonus

Yahya Awang

TAIPING, Ahad - Isu pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan dijangka menjadi antara agenda perbincangan Majlis Kongres Cuepacs, akhir September depan, kata Presidennya, N Siva Subramaniam.

Beliau berkata, Cuepacs berharap rumusan berhubung isu pembayaran bonus dalam kongres itu dapat dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan.

"Cuepacs kali ini tidak akan membuat desakan kepada kerajaan berhubung isu pembayaran bonus.

"Ini kerana Cuepacs percaya Dr Mahathir prihatin dengan masalah kakitangan kerajaan dan terpulanglah kepada beliau menggunakan kebijaksanaannya menentukan jumlah dan pembayaran," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Siva berkata, Cuepacs juga berharap sektor swasta akan turut menikmati bayaran bonus menjelang akhir tahun ini.

"Ini diperkukuhkan dengan keadaan ekonomi negara sekarang. Cuepacs berpendapat ekonomi Malaysia akan lebih kukuh selepas September ini dengan beberapa langkah yang diambil Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya.

Sementara itu, Siva berkata Cuepacs mengalukan pengumuman Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Halim Ali berhubung ganjaran penuh pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersara pilihan.

"Ketika kegawatan ekonomi, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam memberi pengorbanan besar," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Cuepacs berharap kerajaan menimbang semula cadangan supaya kerajaan menarik balik potongan gaji 10 peratus terhadap kakitangan awam lulusan universiti.

"Ini kerana ekonomi sudah pulih. Kita sudah maklumkan perkara itu kepada Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu di KOTA BAHRU, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta kerajaan melaksanakan skim gaji minimum bulanan pekerja sebanyak RM1,200 seperti dijanjikan berikutan kejayaan negara keluar daripada kegawatan ekonomi.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah berjanji pada Ogos lalu bahawa jika ekonomi negara pulih maka gaji minimum pekerja akan ditetapkan sebanyak RM1,200.

"Kini negara sudah pulih daripada kegawatan ekonomi maka sudah tiba masanya kerajaan menunaikan janji untuk menetapkan gaji bulanan minima pekerja itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus kesihatan dan keselamatan pekerja MTUC/Socso, di sini hari ini.

(END)